

29/09/1999

Penekanan konsep ekonomi penting bagi kejayaan MSC

KORIDOR Raya Multimedia (MSC) tidak akan berjaya tanpa penguasaan dan penekanan konsep ekonomi berasaskan pengetahuan di Malaysia.

Setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, berkata ekonomi sekarang perlu berubah kepada berasaskan ekonomi pengetahuan dan tidak lagi bergantung kepada kapasiti pengeluaran.

"Ekonomi pengetahuan berasaskan keupayaan berfikir dan kekuatan intelek yang mana ekonomi baru ini tidak boleh dirancang seperti ekonomi sekarang," katanya selepas merasmikan pelancaran persidangan dan pameran Multimedia Asia 99 (MMA 99) serta sesi perbincangan ahli panel.

MMA 99 adalah persidangan tahunan khusus membincangkan perkembangan MSC dan mendapatkan input serta pandangan daripada pakar teknologi maklumat (IT) tempatan dan antarabangsa.

Persidangan dan pameran yang berlangsung selama empat hari mulai hari ini dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut berdialog dengan peserta persidangan. Tema persidangan ialah 'MSC daripada visi ke realiti: Penyesuaian Semula Menghadapi Ekonomi Baru.'

Beliau berkata, ekonomi pengetahuan adalah konsep pemikiran cara baru dalam menguruskan pertumbuhan ekonomi yang mana konsep itu adalah pertama kali diperkenalkan di rantau ini.

"Konsep ini sedang hangat dibincang dan dibahaskan di negara ini kerana pertumbuhan ekonomi kali ini bukan berdasarkan modal, tetapi perkembangan daya intelek manusia," katanya.

Azzman berkata, perancangan sedang dilakukan untuk merealisasikan konsep ini menggunakan MSC sebagai tapak ujian dan Agenda Teknologi Maklumat Negara (Nita) melalui lima teras utama iaitu e-pendidikan, e-sektor awam, e-ekonomi, e-keaulatan dan e-masyarakat sebagai panduan.

Sehubungan itu, bagi mempercepatkan lagi perubahan ke arah pembentukan ekonomi pengetahuan masyarakat perlu bersedia menghadapi perubahan dan menanamkan sifat sentiasa ingin belajar sepanjang hayat.

"Masyarakat harus bersedia menggunakan teknologi, di samping sentiasa mengikuti perkembangan terkini melalui pelbagai seminar dan forum perbincangan," katanya.

Malaysia perlu menumpukan perhatian kepada memajukan peraturan dan pencukuaian bagi perdagangan maklumat dan pengetahuan selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat.

Pengarah Unit Ekonomi Makro dan Penilaian, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, Dr Victor Wee, berkata Malaysia juga harus menumpukan kepada merangsangkan pembangunan pasaran menerusi bentuk baru perniagaan kepada kerjasama perniagaan.

"Pendekatan baru penting kerana ciri ekonomi berasaskan pengetahuan berbeza daripada ekonomi fizikal," katanya ketika memberi ucapan mengenai Menyusun bagi Ekonomi Baru, di Persidangan Multimedia 1999, di Serdang, minggu lalu.

Wee berkata, pendekatan dan pemikiran baru diperlukan daripada pembuat dasar, eksekutif kanan dan pekerja-pekerja berpengetahuan.

"Kepimpinan dan pengambilan risiko terhadap perubahan perlahan dalam tabiat dan amalan institusi dan perniagaan sedia ada juga diperlukan," katanya.

Menurutnya, penerimaan lebih besar, pengetahuan, pandangan jauh ke hadapan dan potensi komersil diperlukan.

Ekonomi berasaskan pengetahuan, katanya, memerlukan komuniti perniagaan mempelajari di semua peringkat dalam perniagaan serta kebolehan dalam mencari keperluan pelanggan baru dan peluang perniagaan tunai.

(END)